

Pendidikan Merentasi Sempadan: Satu Kajian Kes Pelajar China, Iran dan Indonesia di Malaysia

Cross Border Education: A Case Study on Students from China, Iran and Indonesia in Malaysia

Liew Chei Siang (csliew@yahoo.com)
Pusat Pengajian Ekonomi
Fakulti Ekonomi dan Pengurusan
Universiti Kebangsaan Malaysia

ABSTRAK

Permintaan terhadap pendidikan antarabangsa mengalami pertumbuhan yang pesat sejak beberapa tahun kebelakangan ini. Pada tahun 2008, lebih daripada 3.3 juta pelajar telah melanjutkan pengajian tertuari di luar negara asal mereka. Angka ini mewakili peningkatan hampir 11 peratus berbanding tahun 2007. Laporan Mobiliti Pelajar Antarabangsa 2025 menjangkakan bilangan pelajar antarabangsa akan mencecah 7.2 juta pada tahun 2025. Lantaran itu, Kementerian Pengajian Tinggi telah berusaha untuk mengantarabangsakan pendidikan tinggi khususnya untuk menarik lebih banyak pelajar dari luar negara melanjutkan pengajian di Malaysia. Objektif kertas kerja ini adalah untuk menentukan faktor tolakan dan tarikan yang mempengaruhi pelajar dari China, Iran dan Indonesia memilih Malaysia sebagai destinasi pengajian dengan berdasarkan satu sampel rawak 355 pelajar dari ketiga-tiga negara tersebut. Di samping itu, model ordered probit digunakan untuk melihat pengaruh faktor akademik dan demografi ke atas kepuasan pelajar terhadap program pengajian. Kos keseluruhan, penggunaan bahasa Inggeris sebagai medium pengajaran dan kualiti pendidikan adalah antara faktor tarikan penting yang mendorong pelajar melanjutkan pengajian di Malaysia. Sebaliknya, program pengajian yang diinginkan tidak dikendalikan dalam bahasa Inggeris menyebabkan pelajar tidak belajar di negara asal mereka. Keputusan regresi menunjukkan kepuasan terhadap pensyarah dan kaedah penilaian kursus adalah penentu yang penting bagi kepuasan terhadap program pengajian. Persepsi tentang tahap kepuasan juga berbeza secara signifikan antara negara asal pelajar.

Kata kunci: Faktor Tolakan dan Tarikan, Kepuasan Program Pengajian, Model Ordered Probit

ABSTRACT

The demand of international education has grown rapidly in recent years. In 2008, over 3.3 million tertiary students were enrolled outside their country of citizenship, representing an increase of nearly 11% on the previous year. The Global Student Mobility 2025 Report also foresees that the demand of international education will increase to 7.2 million international students in year 2025. With these developments, Ministry of Higher Education has taken efforts to internationalize Malaysia higher education especially in attracting more international students to study in Malaysia. This paper attempts to identify the push-and-pull factors influencing Chinese, Iranian and Indonesian students selecting Malaysia as their study destination. A sample of 355 students from these three countries was used in the analysis. Secondly, this paper uses an ordered probit model to explore the influence of various demographic and academic factors on students' satisfaction of their program of study. Overall costs of study, the used of English as medium of instruction and the quality of education are viewed as the most prominent pull factors that attract students to study in Malaysia. In contrast, the preferred program not available in the English language has caused the students for not studying in their home country. The regression results show that the satisfaction with the instructor and course assessment methods are good predictors of students' satisfaction of their program of study. The observed differences on the level of satisfaction were found to be statistically significant among students from different country of origin.

Keywords: Push and Pull Factors, Satisfaction of Program of Study, Ordered Probit Model

PENGENALAN

Pengajian tinggi dunia mengalami perubahan yang drastik dan berkembang secara pesat, terutamanya bagi memenuhi tuntutan globalisasi terhadap peluasan akses ke pendidikan tinggi. Pada tahun 2008, lebih daripada 3.3 juta pelajar telah melanjutkan pengajian tertiar di luar negara asal mereka. Angka ini mewakili peningkatan hampir 11 peratus berbanding tahun 2007. United States, United Kingdom, Australia, Perancis dan Jerman adalah antara lima buah negara penerima pelajar antarabangsa yang terbanyak dengan merangkumi hampir 50 peratus daripada populasi pelajar antarabangsa pada tahun 2008 (*Organisation for Economic Co-operation and Development*, 2010). Bilangan pelajar yang melanjutkan pengajian di luar negara asal mereka dijangka meningkat kepada 7.2 juta orang pada tahun 2025 berbanding 1.8 juta pada tahun 2000 (Bohm et. al., 2002).

Menyedari perkembangan pesat dalam pendidikan antarabangsa (*international education*), Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPTM) telah menggubal pelan dan strategi pengajian tinggi yang mantap dan relevan bagi menyahut tuntutan tersebut. Sejalan dengan teras kedua Misi Nasional iaitu, meningkatkan keupayaan pengetahuan dan inovasi negara serta memupuk minda kelas pertama, Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara telah digubal pada tahun 2007 dengan visi untuk mentransformasikan pengajian tinggi dalam konteks menjadikan Malaysia sebagai hab kecemerlangan pengajian tinggi antarabangsa. Usaha untuk mempergiatkan pengantarabangsaan (*internationalization*) telah dijadikan salah satu teras strategik pelan tersebut (Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia, 2007). Strategi-strategi yang digariskan termasuk penambahan bilangan pelajar antarabangsa, peluasan penawaran program pengajian kepada pelajar antarabangsa dan penjenamaan semula Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Swasta (IPTS) untuk mencapai sasaran enrolmen pelajar antarabangsa sebanyak 200,000 orang menjelang tahun 2020.

Dengan adanya sistem pengajian tinggi yang diiktiraf di peringkat global serta program pertukaran tenaga akademik, pelajar dan kursus pengajian, kolaborasi penyelidikan dan jalinan kerjasama dengan institusi pengajian tinggi (IPT) terkemuka di dunia, Malaysia berupaya untuk menarik lebih ramai pelajar antarabangsa untuk melanjutkan pengajian di negara kita. Ini bukan sahaja dapat memanfaatkan pelajar tempatan dari segi pendedahan dan pembangunan minda yang lebih terbuka dan bersifat global, malah ia juga merupakan salah satu sumber pendapatan utama negara yang disalurkan melalui industri pelancongan pendidikan. Dari segi IPT tempatan pula, penjenamaan semula dapat membantu dalam pembentukan profil dan reputasi di peringkat antarabangsa.

Statistik Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (2011) menunjukkan enrolmen pelajar antarabangsa di Malaysia meningkat daripada 27,872 pada tahun 2002 kepada 86,923 pada tahun 2010 dengan kadar pertumbuhan purata 15.3 peratus setahun. Daripada jumlah enrolmen pada tahun 2010, enrolmen pelajar dari Iran mendahului negara-negara lain dengan jumlah 11,823 (13.6 peratus), diikuti oleh pelajar China (10,214 atau 11.8 peratus) dan pelajar Indonesia (9,889 atau 11.4 peratus). Di samping itu, enrolmen pelajar Iran di IPTA dan enrolmen pelajar China di IPTS mencatatkan bilangan yang tertinggi iaitu masing-masing mencakupi 19.9 peratus dan 12.8 peratus daripada jumlah enrolmen di IPTA dan IPTS. Justeru, apakah faktor yang menyumbang kepada permintaan terhadap pendidikan tinggi Malaysia oleh pelajar antarabangsa?

Keberkesanan proses serta jaminan kualiti pengajaran dan pembelajaran adalah penting dalam menentukan mutu pendidikan. Sehubungan itu, KPTM melalui Agensi Kelayakan Malaysia (2011) telah menyediakan Kerangka Kelayakan Malaysia bagi memantapkan sistem pendidikan tinggi dengan memberi garis panduan yang jelas untuk reka bentuk program dari segi tahap, hasil dan beban pembelajaran agar dapat memudahkan proses pengiktirafan antarabangsa serta mobiliti pelajar dan seterusnya meningkatkan keyakinan umum terhadap kelayakan yang dianugerahkan oleh IPT Malaysia. Dalam konteks ini, sejauh manakah penilaian pelajar antarabangsa terhadap pembelajaran di Malaysia?

Oleh itu, kertas kerja ini bertujuan untuk membandingkan kepentingan faktor-faktor tarikan dan tolakan yang mempengaruhi pelajar dari China, Indonesia dan Iran memilih Malaysia sebagai destinasi pengajian serta menganalisis faktor-faktor yang mempengaruhi persepsi terhadap kepuasan program pengajian yang sedang diikuti oleh mereka. Kertas kerja ini dibahagikan kepada lima bahagian. Pengenalan kepada latar belakang tajuk kertas kerja dikemukakan dalam bahagian pertama. Ia diikuti oleh ulasan kajian lepas. Seterusnya, bahagian ketiga dan keempat masing-masing membincangkan metodologi kajian dan analisis kajian. Rumusan dan implikasi kajian pula dimasukkan dalam bahagian terakhir kertas kerja ini.

KAJIAN LEPAS

Konsep pengantarabangsaan merangkumi suatu skop yang amat luas dan meliputi pelbagai dimensi yang berbeza. Oleh yang demikian, definisi bagi pengantarabangsaan juga berbeza mengikut negara, pemilik dan pentadbir IPT, ahli fakulti serta pelajar tempatan dan antarabangsa. Namun begitu, definisi pengantarabangsaan yang diterima umum telah dibentuk oleh Knight. Menurut Knight (2004), pengantarabangsaan pengajian tinggi (*internationalization of higher education*) adalah suatu proses yang menyepadukan dimensi antarabangsa dan budaya yang berbeza ke dalam tujuan, fungsi (pengajaran, penyelidikan, perkhidmatan) dan penyampaian pengajian tinggi. Ia merujuk kepada semua aspek pengantarabangsaan, sama ada merentasi sempadan ataupun tidak. Berdasarkan definisi di atas, adalah jelas bahawa pendidikan merentasi sempadan (*cross-border education*) merupakan sebahagian daripada pengantarabangsaan. Knight (2007) seterusnya menghalusi definisi pendidikan merentasi sempadan sebagai mobiliti manusia, program, pembekal dan projek merentasi sempadan rasmi negara.

Mobiliti manusia melibatkan pelajar, ahli akademik, profesor dan pakar. Mobiliti pelajar boleh berlaku dalam pelbagai cara seperti mengikuti sepenuhnya pengajian ijazah di luar negara, terlibat dalam program pertukaran pelajar, menjalankan kerja lapangan, mendaftar untuk mengikuti program jangka pendek di luar negara dan sebagainya. Mobiliti ahli akademik, profesor dan pakar melibatkan aktiviti pengajaran dan penyelidikan, memberikan bantuan teknikal serta menjadi pakar rujuk dan penasihat akademik. Mobiliti dari segi program pengajian biasanya dijalankan melalui kerjasama antara pembekal tempatan dan luar negara dalam bentuk *franchising*, *twinning* dan *validation*. Pembekal dalam konteks pendidikan merentasi sempadan terdiri daripada semua entiti swasta dan awam serta organisasi yang bermotifkan keuntungan dan bukan bermotifkan keuntungan. Ciri utama mobiliti pembekal adalah pemberian perkhidmatan kepada pelajar melalui penubuhan kampus satelit atau institusi cawangan di luar negara dan membeli atau bergabung dengan institusi tempatan. Bentuk mobiliti projek termasuk kepelbagaian inisiatif seperti pembangunan kurikulum secara bersama, penyelidikan, bantuan teknikal, perkhidmatan pendidikan dan pembangunan profesional.

Pendidikan merentasi sempadan juga digunakan secara saling berganti dengan pendidikan tanpa sempadan (*borderless education*). Walau bagaimanapun, kedua-dua istilah ini memperlihatkan perbezaan dari segi definisi. Pendidikan tanpa sempadan merujuk kepada pembangunan pendidikan tinggi yang merentasi sempadan tradisional sama ada secara geografi atau konseptual. Sempadan tradisional tersebut merangkumi negara, organisasi, sektor, masa dan ruang (Middlehurst, 2002; Bjarnason et al., 2000; Cunningham, et al., 1998).

Kebanyakan kajian tentang sebab-sebab pelajar, khasnya pelajar China menuntut di luar negara dan corak pemilihan destinasi serta institusi pengajian telah diteliti dengan menggunakan model faktor tarikan dan faktor tolakan (Chen, 2007; Li & Bray, 2007; Yang, 2007). Mazzarol & Soutar (2002) mendefinisikan faktor tolakan sebagai satu set faktor dalam negara penghantar yang mempengaruhi keputusan pelajar untuk menuntut di luar negara manakala faktor tarikan dilihat sebagai satu set faktor dalam negara penerima yang dapat menarik minat pelajar antarabangsa.

Mazzarol (1998) berpandangan bahawa proses membuat keputusan untuk pemilihan destinasi pengajian melibatkan tiga tahap. Pada tahap pertama, faktor tolakan akan dipertimbangkan untuk membuat keputusan sama ada pelajar ingin menuntut di dalam negara atau di luar negara. Sekiranya pelajar membuat keputusan untuk menuntut di luar negara, tahap kedua melibatkan pemilihan destinasi pengajian dengan membandingkan pelbagai faktor tarikan yang dimiliki oleh setiap negara. Seterusnya, pelajar akan membuat pemilihan institusi pengajian. Pada tahap akhir ini, faktor-faktor tarikan tambahan yang dimiliki oleh setiap institusi pengajian alternatif akan dibandingkan. Antaranya termasuk, profil dan reputasi institusi pengajian, kepakaran tenaga akademik, kepelbagaian program pengajian, tahap inovasi dan penggunaan teknologi maklumat, jalinan antarabangsa serta infrastruktur dan kemudahan yang disediakan.

Antara faktor tolakan yang telah dikenalpasti oleh Bashir (2007) dan Mazzarol & Soutar (2002) termasuk: i) program yang ditawarkan oleh institusi pengajian di luar negara lebih baik berbanding di tempatan, ii) kesusahan mendapat tempat di institusi pengajian dalam negara, iii) program pengajian yang diinginkan tidak ditawarkan dalam negara, iv) peluang untuk memahami budaya barat dan v) peluang untuk berhijrah ke negara destinasi. Yang (2007) mendapati bahawa program yang ditawarkan oleh IPT Australia lebih berkualiti berbanding IPT China dan kesusahan mendapat tempat di IPT China merupakan dua faktor tolakan penting yang mendorong pelajar China untuk melanjutkan pengajian di Australia. Menurut Li & Bray (2007), pelajar China memilih untuk menyambung pengajian di Hong Kong adalah disebabkan oleh kualiti pendidikan tinggi China yang tidak memuaskan, kurang menekankan aspek pengantarabangsaan dan kesusahan memperoleh biasiswa. Selain itu, pelajar China yang menuntut di Macau menyatakan bahawa kekurangan disiplin pengajian yang sesuai adalah faktor tolakan utama yang menyebabkan mereka tidak belajar di negara mereka.

Enam kategori faktor tarikan yang telah dikenalpasti oleh Mazzarol & Soutar (2002) terdiri daripada i) pengetahuan dan kesedaran terhadap negara destinasi: latar belakang negara dan maklumat pendidikan, ii) cadangan daripada ibu bapa, kawan dan ejen serta reputasi antarabangsa institusi pengajian, iii) kos: termasuk kos pengajian, kos hidup, kos pengangkutan, kos sosial, kos kewangan, iv) persekitaran pembelajaran dan keadaan fizikal negara destinasi, v) kedudukan geografi dan vi) jaringan sosial: sama ada terdapat kawan atau saudara mara pelajar yang menetap di negara destinasi. Hasil kajian ke atas pelajar China menunjukkan bahawa kualiti pendidikan, pengiktirafan kelayakan akademik, reputasi institusi pengajian tinggi, kos kewangan dari segi peluang pekerjaan dan persekitaran pembelajaran yang kondusif adalah antara faktor tarikan utama yang mempengaruhi mereka melanjutkan pengajian di Australia. Selain faktor kualiti pendidikan yang tinggi, Yang (2007) mendapati kos pengajian, kos hidup dan kos sosial (atau darjah diskriminasi) yang rendah juga merupakan faktor penting yang berjaya menarik minat pelajar China untuk belajar di Australia.

Tiga faktor tarikan utama yang mempengaruhi pelajar China memilih Hong Kong sebagai destinasi pengajian ialah penawaran biasiswa, kualiti pendidikan dan reputasi IPT yang baik serta kedudukan geografi yang berdekatan dengan China. Sebaliknya, pelajar China memilih untuk melanjutkan pengajian di Macau adalah disebabkan oleh peluang migrasi ke negara lain, syarat kemasukan yang rendah dan nilai ekonomi ijazah di pasaran kerja (Li & Bray, 2007). Daripada perbincangan di atas, dapat diperhatikan bahawa faktor tolakan yang mempengaruhi pelajar China melanjutkan pengajian di luar negara adalah hampir sama tetapi menunjukkan perbezaan yang agak ketara dari segi faktor tarikan, bergantung kepada negara destinasi yang dipilih.

Kajian empirik tentang faktor-faktor pemilihan Malaysia sebagai destinasi pengajian pelajar antarabangsa serta tinjauan ke atas pengalaman pendidikan dan pengalaman sosial mereka adalah amat terhad. Setakat ini, kajian yang agak komprehensif telah dijalankan oleh Institut Penyelidikan Pendidikan Tinggi Negara (IPPTN) dan Institut Kajian Malaysia dan Antarabangsa (IKMAS). Faktor tarikan yang mempengaruhi pelajar antarabangsa memilih Malaysia sebagai destinasi pengajian yang dikenalpasti oleh IPPTN boleh diringkaskan kepada lapan kategori seperti dalam jadual 1. Jika dianalisis mengikut rantau, pendidikan, ekonomi dan kos merupakan tiga faktor dominan yang memotivasikan pelajar dari Asia Tenggara dan Asia Timur untuk menuntut di Malaysia. Faktor pendidikan merangkumi: i) penggunaan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengajaran, ii) kualiti pendidikan dan iii) pilihan institusi pengajian dan program pengajian yang luas. Faktor ekonomi pula merangkumi: i) jangkaan pendapatan yang tinggi selepas tamat pengajian dan ii) berhijrah ke negara lain selepas tamat pengajian serta faktor kos pengajian yang rendah (Ragayah & Liew, 2009).

Kebanyakan kajian tentang kepuasan pelajar terhadap perkhidmatan pendidikan yang disediakan oleh institusi pengajian menggunakan kerangka konseptual yang dibangunkan oleh Harvey (2001) dan Harvey et al. (1997). Aspek perkhidmatan pendidikan yang dikaji termasuk pembelajaran dan pengajaran (seperti pengendalian kursus, beban dan penilaian kursus, hasil pembelajaran, kualiti pensyarah), kemudahan sokongan pembelajaran (seperti perpustakaan, makmal komputer), kemudahan sokongan (seperti penginapan, kemudahan kesihatan, perkhidmatan pelajar), persekitaran pembelajaran (seperti bilik kuliah, makmal, bangunan universiti, ruang legar) serta aspek luaran (seperti bantuan kewangan). Selepas dibuat sedikit pengubahsuaian pada kerangka tersebut, Aldemir & Gulcan (2004) berpendapat bahawa kepuasan pelajar universiti dipengaruhi oleh empat kumpulan faktor iaitu i) faktor institusi yang merangkumi faktor akademik dan faktor pentadbiran universiti, ii) faktor aktiviti dan kehidupan di kampus, iii) faktor jangkaan pelajar dan iv) faktor demografi. Faktor akademik pula meliputi kualiti pengajaran, interaksi dengan pensyarah di dalam dan di luar dewan kuliah, prestasi pensyarah, reka bentuk kurikulum dan bahan pengajaran.

Sejajar dengan hasil kajian Guolla (1999) dan Cashin & Downey (1992), Aldemir & Gulcan (2004) mendapati pensyarah yang berprestasi tinggi, kualiti pengajaran yang baik dan reka bentuk kurikulum yang sesuai bukan sahaja dapat meningkatkan kepuasan terhadap program pengajian malah ia dapat meningkatkan kepuasan terhadap sesuatu IPT. Di samping itu, hasil kajian Mai (2005) menunjukkan kepakaran dan minat pensyarah terhadap kursus yang diajar adalah signifikan dalam menentukan kualiti pengajaran sementara Aitken (1982) mendapati kepuasan akademik berhubung secara signifikan dengan prestasi akademik, kepuasan terhadap kursus, pensyarah dan bidang pengkhususan serta personaliti pelajar.

Baek & Shin (2008) mengkaji kepuasan terhadap program pengajian berdasarkan ciri-ciri pelajar (jantina, tahun pengajian, bidang pengkhususan, sebab mengambil kursus, tahap penglibatan dalam kursus, gred yang dijangka dan yang sebenar diperolehi) dan ciri-ciri kursus pengajian (umur, status dan jantina pensyarah, bidang dan taraf kursus serta bilangan pelajar). Bagi mengukur kepuasan program pengajian, 15 item yang berhubung dengan aspek kurikulum, pensyarah dan penilaian telah digunakan. Hasil kajian menunjukkan semua ciri pelajar dan kursus pengajian, kecuali taraf kursus

mempengaruhi kepuasan program pengajian. Selain itu, ciri-ciri pelajar mempunyai kesan yang lebih besar ke atas kepuasan program pengajian berbanding ciri-ciri kursus pengajian.

METODOLOGI KAJIAN

Data kajian dikumpul daripada satu sampel rawak 840 orang pelajar antarabangsa yang menuntut di IPTA dan IPTS Malaysia pada pelbagai tahap pengajian. Walau bagaimanapun, bagi tujuan kertas kerja ini, hanya 355 orang pelajar yang berasal dari China (133 atau 37.5 peratus), Iran (108 atau 30.4 peratus) dan Indonesia (114 atau 32.1 peratus) sahaja yang dipilih. Satu set soal selidik yang merangkumi dimensi ekonomi, pendidikan dan sosial telah disediakan untuk meninjau persepsi pelajar antarabangsa tentang pembelajaran dan kehidupan mereka di Malaysia.

Sejajar dengan objektif pertama kertas kerja ini, 15 pernyataan tentang faktor tarikan dan 5 pernyataan tentang faktor tolakan telah dikemukakan. Senarai pernyataan tersebut telah dibentuk berdasarkan kajian Chen (2007), Li & Bray (2007), Yang (2007) dan Mazzarol & Soutar (2002). Setiap pernyataan diukur dengan menggunakan skala Likert 5 mata iaitu 1 (langsung tidak penting) hingga 5 (sangat penting). Ujian reliabiliti dalaman terhadap pernyataan tersebut masing-masing menghasilkan pekali *Cronbach's Alpha* 0.803 dan 0.786. Min respon bagi kepentingan setiap pernyataan dibandingkan mengikut negara asal pelajar. Seterusnya analisis varian (ANOVA) dijalankan untuk menguji sama ada pelajar dari negara asal yang berlainan mempunyai persepsi yang berbeza tentang kepentingan faktor tarikan yang mempengaruhi mereka memilih Malaysia sebagai destinasi pengajian dan kepentingan faktor tolakan yang menyebabkan mereka tidak melanjutkan pengajian di negara masing-masing.

Model ordered probit berikut dibentuk untuk mengkaji faktor-faktor yang mempengaruhi persepsi pelajar antarabangsa terhadap kepuasan program pengajian yang sedang diikuti oleh mereka.

$$y^* = x\beta' + \varepsilon$$

dengan y^* ialah pembolehubah bersandar yang tidak tercerap (*latent*) yang merupakan ukuran selanjur bagi tahap kepuasan program pengajian

x ialah vektor bagi pembolehubah penerang

β ialah vektor bagi pekali regresi

ε ialah sebutan ralat dengan $\varepsilon \sim N(0, 1)$

Nilai diskrit tercerap bagi tahap kepuasan program pengajian ditakrif seperti berikut:

$$y = 0 \quad \text{jika } y^* \leq \mu_1 \text{ (mewakili sederhana atau tidak puas hati)}$$

$$y = 1 \quad \text{jika } \mu_1 < y^* \leq \mu_2 \text{ (mewakili puas hati)}$$

$$y = 2 \quad \text{jika } y^* > \mu_2 \text{ (mewakili sangat puas hati)}$$

dengan μ_1 dan μ_2 ialah nilai *threshold* yang perlu dianggarkan.

Memandangkan peratusan pelajar yang tidak berpuas hati dengan program pengajian adalah rendah (5.7 peratus), ia telah digabung dengan kategori sederhana puas hati. Model ordered probit tersebut dianggar dengan Kaedah Kebolehjadian Maksimum. Kebarangkalian berhubung dengan setiap tahap kepuasan boleh dikira dengan persamaan-persamaan berikut:

$$P(y = 0) = \Phi(\mu_1 - \bar{x}\beta')$$

$$P(y = 1) = \Phi(\mu_2 - \bar{x}\beta') - \Phi(\mu_1 - \bar{x}\beta')$$

$$P(y = 2) = 1 - \Phi(\mu_2 - \bar{x}\beta')$$

dengan $\Phi(\cdot)$ ialah fungsi kumulatif bagi taburan normal piawai.

Seterusnya, kesan marginal pembolehubah kuantitatif, X_i ke atas kebarangkalian berhubung dengan setiap tahap kepuasan boleh dikira dengan persamaan-persamaan berikut:

$$\frac{\partial P(y = 0)}{\partial X_i} = -\phi(\mu_1 - \bar{x}\beta') \times \hat{\beta}_i$$

$$\frac{\partial P(y=1)}{\partial X_i} = [\phi(\mu_1 - \bar{x}\beta') - \phi(\mu_2 - \bar{x}\beta')] \times \hat{\beta}_i$$

$$\frac{\partial P(y=2)}{\partial X_i} = \phi(\mu_2 - \bar{x}\beta') \times \hat{\beta}_i$$

dengan $\phi(\cdot)$ ialah fungsi ketumpatan kebarangkalian bagi taburan normal piawai.

Selepas meneliti kerangka kajian Baek & Shin (2008), Aldemir & Gulcan (2004), Harvey (2001) dan Aitken (1982), tiga pembolehubah penerang kuantitatif dan empat pembolehubah penerang kualitatif telah dikenalpasti untuk melihat pengaruh masing-masing terhadap kepuasan program pengajian yang sedang diikuti oleh pelajar antarabangsa. Senarai dan ukuran setiap pembolehubah penerang diringkaskan dalam jadual 2.

ANALISIS KAJIAN

Pelajar Iran pada umumnya mempunyai latar belakang demografi dan pendidikan yang agak berbeza berbanding pelajar China dan pelajar Indonesia. (Jadual 3). Dari segi umur, majoriti pelajar China dan Indonesia berumur antara 20 hingga 22 tahun sementara majoriti pelajar Iran berumur 25 tahun ke atas. Oleh yang demikian, kebanyakan pelajar Iran telah memiliki sama ada ijazah sarjana muda atau ijazah sarjana dan melanjutkan pengajian pada tahap pasca-siswazah (sarjana dan PhD) di Malaysia manakala kebanyakan pelajar China dan Indonesia mempunyai kelulusan pendidikan menengah atau pra-universiti dan mengikuti program ijazah sarjana muda. Lebih daripada 80 peratus pelajar China dan Indonesia menyatakan mereka datang berseorangan ke Malaysia sementara peratusan pelajar Iran yang datang bersama pasangan atau pasangan dan anak secara relatifnya lebih tinggi berbanding dengan pelajar China dan Indonesia. Kebanyakan pelajar China dan Indonesia mendapat bantuan kewangan daripada keluarga untuk melanjutkan pengajian di Malaysia manakala kos pengajian dan kos sara hidup ditanggung sendiri oleh pelajar Iran. Program pengajian dalam bidang perakaunan, ekonomi dan perniagaan serta sastera dan sains sosial lebih diminati oleh pelajar China dan Indonesia. Pelajar Iran pula lebih menggemari program senibina dan kejuruteraan. Nisbah pelajar lelaki kepada perempuan didapati lebih tinggi di kalangan pelajar Indonesia dan Iran. Di samping itu, peratusan pelajar dari kedua-dua negara ini yang menuntut di IPTA secara relatifnya lebih tinggi berbanding pelajar China.

Berdasarkan min respon bagi kepentingan faktor tarikan yang ditunjukkan dalam jadual 4, faktor kos, kualiti pendidikan dan penggunaan bahasa Inggeris sebagai medium pengajaran merupakan tiga faktor tarikan utama yang mendorong pelajar China, Iran dan Indonesia melanjutkan pengajian di Malaysia sungguhpun memperlihatkan perbezaan dari segi urutan kepentingan. Persepsi terhadap kepentingan faktor kualiti pendidikan didapati berbeza secara signifikan di kalangan pelajar, di mana ia lebih diutamakan oleh pelajar Iran dan pelajar Indonesia manakala pelajar China secara relatifnya lebih mementingkan faktor penggunaan bahasa Inggeris sebagai medium pengajaran.

Selain itu, keputusan ujian ANOVA menunjukkan pelajar dari ketiga-tiga negara kajian mempunyai tanggapan yang berbeza tentang pengaruh faktor sosio-budaya dan faktor prospek semasa memilih Malaysia sebagai negara destinasi pengajian. Faktor kemesraan rakyat Malaysia adalah faktor tarikan yang relatifnya lebih diutamakan oleh pelajar China sementara faktor budaya dan agama yang sama dengan negara asal serta peluang untuk bekerja di Malaysia selepas tamat pengajian secara bandingannya lebih diutamakan oleh pelajar Indonesia. Pelajar Iran pula lebih memandang berat tentang kepentingan faktor peluang melanjutkan pengajian siswazah di Malaysia dan peluang untuk berhijrah ke negara lain selepas tamat pengajian.

Berdasarkan jadual 5, faktor pendidikan, khasnya program pengajian yang diingini oleh pelajar tidak dikendalikan dalam bahasa Inggeris adalah faktor tolakan yang secara relatifnya lebih penting yang menyebabkan pelajar China, Iran dan Indonesia tidak menyambung pengajian di negara asal mereka. Selain itu, kegagalan mendapat tempat di IPT negara asal pelajar dan program pengajian yang diingini turut mempengaruhi keputusan mereka untuk melanjutkan pengajian ke luar negara.

Sistem penyampaian, pengajaran, penilaian dan pensijilan yang dipantau dan dikawal rapi oleh Agensi Kelayakan Malaysia bukan sahaja telah berjaya menjamin kualiti pendidikan tinggi tetapi juga mendapat pengiktirafan di seluruh dunia. Ini merupakan satu kelebihan kepada Malaysia dalam menarik kemasukan pelajar antarabangsa. Selain itu, penawaran program berkembar 2+1, 1+2 dan 2+2 oleh IPTS dan penggunaan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar di IPT secara tidak langsung dapat menggalakkan kemasukan pelajar antarabangsa kerana ramai daripada mereka menjadikan

Malaysia sebagai batu loncatan untuk terus menyambung pelajaran atau berhijrah ke negara lain selepas tamat pengajian.

Kos pengajian yang perlu ditanggung untuk belajar di IPT Malaysia hanya satu per tiga atau separuh daripada kos yang diperlukan untuk memasuki universiti negara maju. Di samping itu, penawaran program pengajian 3+0 dan 4+0 oleh IPTS serta penubuhan kampus cawangan universiti luar negara seperti *Monash University*, *Nottingham University* di Malaysia membolehkan pelajar antarabangsa menamatkan pengajian mereka di sini dan pada masa yang sama memperoleh ijazah yang dianugerahkan oleh universiti luar negara. Oleh itu, kos pendidikan di Malaysia boleh dianggap sebagai *value for money*. Tambahan lagi, yuran yang dibayar oleh pelajar bukan sahaja berpatutan malah ia juga meliputi pelbagai kemudahan dan perkhidmatan seperti pengangkutan, penginapan, kesihatan yang disediakan oleh pihak IPT. Maka, kos hidup pelajar juga dapat dikurangkan.

Keputusan penganggaran model ordered probit dalam jadual 6 menunjukkan semakin tinggi kepuasan terhadap pensyarah dan kaedah penilaian kursus, semakin besar kebarangkalian pelajar antarabangsa menyatakan kepuasan yang tinggi terhadap program pengajian. Kesan marginal kedua-dua pembolehubah ini ke atas kepuasan program pengajian diringkaskan dalam jadual 7. Bagi peningkatan satu unit dalam purata skor tahap kepuasan terhadap pensyarah, kebarangkalian pelajar sangat berpuas hati dan berpuas hati dengan program pengajian masing-masing akan meningkat sebanyak 0.04 (4 peratus) dan 0.049 (4.9 peratus). Jika purata skor tahap kepuasan terhadap kaedah penilaian meningkat sebanyak satu unit, kebarangkalian pelajar sangat berpuas hati dan berpuas hati dengan program pengajian masing-masing akan meningkat sebanyak 0.051 (5.1 peratus) dan 0.064 (6.4 peratus). Di sini jelas menunjukkan kepuasan terhadap kaedah penilaian kursus memainkan peranan yang lebih penting berbanding dengan kepuasan pensyarah dalam menentukan tahap kepuasan program pengajian. Namun begitu, kepuasan terhadap pengendalian kursus, jantina, tahap pengajian dan jenis institusi pengajian tinggi tidak mempunyai kesan yang signifikan ke atas kepuasan program pengajian.

Pekali regresi teranggar bagi pembolehubah dami negara menunjukkan kebarangkalian pelajar China dan Indonesia yang menyatakan kepuasan yang tinggi terhadap program pengajian masing-masing adalah lebih rendah berbanding pelajar Iran dengan mengandaikan faktor lain konstan. Selain itu, nilai kebarangkalian teranggar yang ditunjukkan dalam jadual 8 dapat menyokong dapatan kajian tersebut. Pada keseluruhannya, kebarangkalian pelajar yang berpuas hati dan sederhana berpuas hati masing-masing diramal sekitar 0.45. Kebarangkalian terhadap setiap kategori tahap kepuasan tidak menunjukkan perbezaan yang ketara di kalangan pelajar China dan Indonesia. Walau bagaimanapun, kebarangkalian pelajar Iran yang sangat berpuas hati dengan program pengajian adalah lebih tinggi (0.153) berbanding dengan 0.086 dan 0.079 yang dicatatkan masing-masing oleh pelajar China dan Indonesia.

RUMUSAN DAN IMPLIKASI DASAR

Kertas kerja ini bertujuan untuk membandingkan kepentingan faktor-faktor tarikan dan tolakan yang mempengaruhi pelajar dari China, Indonesia dan Iran memilih Malaysia sebagai destinasi pengajian serta menganalisis faktor-faktor yang mempengaruhi persepsi terhadap kepuasan program pengajian yang sedang diikuti oleh mereka. Faktor kos, kualiti pendidikan dan penggunaan bahasa Inggeris sebagai medium pengajaran dikenalpasti sebagai tiga faktor tarikan utama yang mendorong pelajar China, Iran dan Indonesia melanjutkan pengajian di Malaysia sungguhpun memperlihatkan perbezaan dari segi urutan kepentingan. Mereka juga mempunyai tanggapan yang berbeza tentang pengaruh faktor sosio-budaya dan faktor prospek semasa memilih Malaysia sebagai negara destinasi pengajian. Faktor pendidikan turut menjadi faktor tolakan penting yang menyebabkan pelajar China, Iran dan Indonesia tidak menyambung pengajian di negara asal mereka. Kepuasan terhadap pensyarah dan kaedah penilaian kursus menunjukkan hubungan yang positif dengan kepuasan program pengajian. Selain itu, kebarangkalian pelajar Iran yang mempunyai kepuasan yang tinggi terhadap program pengajian adalah lebih besar berbanding dengan pelajar China dan Indonesia.

Oleh kerana kos dan kualiti pendidikan adalah faktor tarikan penting yang mempengaruhi pelajar antarabangsa belajar di Malaysia, IPTS bukan bertaraf universiti¹ perlu digabung dan distruktur semula bagi meningkatkan daya saing dari segi pentadbiran serta penajaan dan pengagihan sumber dengan lebih cekap. Usaha ini bukan sahaja dapat menaikkan reputasi IPT di persada antarabangsa, malah ia dapat menjamin kecemerlangan akademik. Dengan adanya dana yang mencukupi, ia dapat mewujudkan persekitaran pengajaran dan pembelajaran yang lebih kondusif, menambahkan bilangan biasiswa yang ditawarkan kepada pelajar antarabangsa dan menjalin rangkaian dengan lebih banyak

¹ Pada tahun 2010, terdapat 403 buah atau 84.7 peratus IPTS bukan bertaraf universiti di Malaysia.

universiti terkemuka luar negara. Selain itu, untuk menjamin kualiti pendidikan secara berterusan, pihak IPT dan Agensi Kelayakan Malaysia disarankan untuk merangka kurikulum program pengajian berdasarkan dimensi antarabangsa dan keperluan pasaran global.

Memang tidak dapat dinafikan bahawa pembelajaran yang berkesan bukan sahaja bergantung kepada pencapaian domain hasil pembelajaran sesuatu program pengajian tetapi ia juga berkait rapat dengan penggunaan kepelbagaian kaedah penilaian dalam membangunkan kemahiran pelajar. Oleh itu, dicadangkan supaya penilaian formal melalui peperiksaan dikurangkan manakala lebih mengutamakan penilaian menerusi projek berkumpulan, pembentangan dan perkongsian pengalaman. Langkah ini bukan sahaja berkesan dalam membangunkan kemahiran komunikasi dan kerja berpasukan di kalangan pelajar, malah ia mampu menghasilkan graduan yang berketerampilan tinggi dalam pasaran kerja. Secara tidak langsung, ia dapat meningkatkan kepuasan terhadap program pengajian yang diikuti oleh mereka.

Selain pembelajaran, aspek pengajaran juga memainkan peranan penting dalam menentukan kepuasan pelajar terhadap program pengajian. Oleh itu, program pemantapan tenaga akademik seperti kaedah dan strategi pengajaran yang berkesan serta komunikasi berkesan dalam pengajaran seharusnya diadakan dengan lebih kerap oleh pihak IPT dan diwajibkan kepada semua pensyarah yang mengajar kursus yang melibatkan pelajar antarabangsa. Selain itu, pihak pentadbiran fakulti perlu lebih tegas dalam pemantauan prestasi pengajaran pensyarah melalui maklum balas daripada pelajar antarabangsa. Jika seseorang pensyarah gagal memenuhi piawaian minimum yang ditetapkan, pensyarah berkenaan tidak patut dipertimbangkan untuk pengajaran pada semester berikutnya. Di samping itu, pensyarah sendiri perlu mengambil inisiatif untuk menambahkan ilmu dalam bidang masing-masing supaya pengetahuan yang disampaikan kepada pelajar adalah sejajar dengan perkembangan semasa dan memenuhi keperluan global.

RUJUKAN

- Agensi Kelayakan Malaysia. (2011). Kerangka Kelayakan Malaysia: Titik rujukan dan persefahaman bersama tentang kelayakan pengajian tinggi di Malaysia. Retrieved April 26, 2011, from [www.mqa.gov.my/dokumen/KERANGKA KELAYAKAN MALAYSIA_2011.pdf](http://www.mqa.gov.my/dokumen/KERANGKA%20KELAYAKAN%20MALAYSIA_2011.pdf).
- Aitken, N.D. (1982). College student performance, satisfaction and retention. *Journal of Higher Education*, 53, 32-50.
- Aldemir, C. & Gulcan, Y. (2004). Student satisfaction in higher education: A Turkish case. *Higher Education Management and Policy*, 16, 109-122.
- Baek, S.G. & Shin, H.J. (2008). Multilevel analysis of the effects of student and course characteristics on satisfaction in undergraduate liberal arts courses. *Asia Pacific Education Review*, 9, 475-486.
- Bashir, S. (2007). Trends in international trade in higher education implications and options for developing countries. Education Working Paper Series, The World Bank.
- Bjarnason, S., Davies, J., Farrington, D., Fielden, J., Garrett, R., Lund, H., Middlehurst, R. & Schofield, A. (2000). *The Business of Borderless Education: UK perspectives - Summary Report*. London: Committee of Vice Chancellors and Principals (CVCP).
- Bohm, A., Davis, D., Meares, D. & Pearce, D. (2002). *The Global Student Mobility 2025 Report: Forecasts of the Global Demand for International Education*. Canberra: IDP.
- Cashin, W.E. & Downey, R.G. (1992). Using global student rating items for summative evaluation. *Journal of Educational Psychology*, 84, 563-572.
- Chen, L.H. (2007). Choosing Canadian graduate schools from afar: East Asian students' perspectives. *Higher Education*, 54, 759-780.
- Cunningham, S., Tapsall, S., Ryan, Y., Stedman, L., Bagdon, K. & Flew, T. (1998). *New Media and Borderless Education: A Review of the Convergence of Global Media Networks and Higher Education Provision*. Canberra: Department of Employment, Education Training and Youth Affairs.
- Guolla, M. (1999). Assessing the teaching quality to student satisfaction relationship: Applied customer satisfaction research in the classroom. *Journal of Marketing Theory and Practice*, 7, 87-97.
- Harvey, L., Plimmer, L., Moon, S. & Geall, V. (1997). *Student Satisfaction Manual*. Bristol: Society for Research into Higher Education and Open University Press.
- Harvey, L. (2001). *Student Feedback: A Report to the Higher Education Funding Council for England*. Birmingham: Centre for Research into Quality.
- Institut Penyelidikan Pendidikan Tinggi Negara (IPPTN). (2009). *Laporan Akhir Kajian Pelajar Antarabangsa di Malaysia*.

- Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia. (2007). *Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara: Peletakan Asas Melangkaui 2020*.
- Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia. (2011). *Buku Perangkaan Pengajian Tinggi Malaysia 2010*.
- Knight, J. (2004). Internationalization remodelled: Definitions, rationales and approaches. *Journal for Studies in International Education*, 8, 5–31.
- Knight, J. (2007). Cross-border tertiary education: An introduction. In S. Vincent-Lancrin (Ed.), *Cross-border Tertiary Education: A Way Towards Capacity Development* (pp. 21-46). Paris: Organization for Economic Co-operation and Development (OECD).
- Li, M. & Bray, M. (2007). Cross-border flows of students for higher education: Push-pull factors and motivations of mainland Chinese students in Hong Kong. *Higher Education*, 53, 791-818.
- Mai, L.W. (2005). A comparative study between UK and US: The student satisfaction in higher education and its influential factors. *Journal of Marketing Management*, 21, 859-878.
- Mazzarol, T. (1998). Critical success factors for international educational marketing. *International Journal of Education Management*, 12, 163-175.
- Mazzarol, T. & Soutar, G.N. (2002). Push-pull factors influencing international student destination choice. *The International Journal of Education Management*, 16, 82-90.
- Middlehurst, R. (2002). Variations on a theme: Complexity and choice in a world of borderless education. *Journal of Studies in International Education*, 6, 134-155.
- Organisation for Economic Co-operation and Development. (2010). *Education at a Glance 2010: OECD Indicators*. Paris: OECD Institution for Statistics.
- Ragayah Mat Zin & Liew, C.S. (2009). Factors impacting on international students' migration to Malaysia and mutual recognition of qualifications. Paper presented in the Project Workshop on Migration and Mutual Recognition of Professionals Qualifications.
- Yang, M. (2007). What attracts mainland Chinese students to Australian higher education? *Studies in Learning, Evaluation Innovation and Development*, 4, 1-12.

LAMPIRAN

JADUAL 1: Klasifikasi Faktor Tarikan Yang Mempengaruhi Pelajar Antarabangsa Memilih Malaysia Sebagai Destinasi Pengajian

Faktor pendidikan	- pengiktirafan program IPT Malaysia pada peringkat antarabangsa - sistem pendidikan yang sistematik dan berkualiti
Faktor institusi	- IPT proaktif dalam urusan kemasukan pelajar antabangsa - IPT proaktif dalam menjaga kebajikan pelajar - kelonggaran dari segi transaksi bank
Faktor kos	- kos hidup dan yuran pengajian yang rendah - kos pengangkutan yang murah
Faktor sosial	- keharmonian masyarakat Malaysia - negara yang mengamalkan sikap sederhana dan toleransi yang baik - masyarakat yang mampu berkomunikasi dalam bahasa Inggeris
Faktor politik	- keselamatan - kestabilan politik
Faktor infrastruktur	- perjalanan udara yang cepat dan mudah - mempunyai rangkaian sistem teknologi maklumat yang efisien
Faktor persekitaran	- kesempatan untuk melancong - kepelbagaian makanan - keadaan cuaca yang stabil
Faktor maklumat	- mempunyai rakan / kaum keluarga yang pernah belajar di Malaysia - mempunyai rakan / kaum keluarga yang pernah melawat Malaysia

Sumber : IPPTN, 2009

JADUAL 2: Definisi Dan Ukuran Pembolehubah Penerang

Pembolehubah Penerang	Definisi / Ukuran
Kepuasan terhadap pensyarah (X_1)	diukur dengan mengirakan min skor kepuasan bagi tujuh item (kelayakan, penyampaian, komunikasi, pengurusan masa, kecekapan bahasa Inggeris, kesediaan membantu, kebolehcapaian) ^{1,4}
Kepuasan terhadap pengendalian kursus (X_2)	diukur dengan mengirakan min skor kepuasan bagi enam item (kesesuaian kandungan, agihan masa, kandungan terkini, rujukan, penggunaan alat bantu mengajar, keadaan bilik kuliah) ^{2,4}
Kepuasan terhadap kaedah penilaian kursus (X_3)	diukur dengan mengirakan min skor kepuasan bagi tujuh item (projek, esei, kuiz, peperiksaan, kehadiran, latihan praktikal, aktiviti ko-kurikulum) ^{3,4}
Pembolehubah dami negara asal pelajar (R_1)	$R_1 = 1$ jika pelajar China, $R_1 = 0$ selainnya
Pembolehubah dami negara asal pelajar (R_2)	$R_2 = 1$ jika pelajar Indonesia, $R_2 = 0$ selainnya
Pembolehubah dami tahap pengajian (L_1)	$L_1 = 1$ jika tahap pasca-siswazah, $L_1 = 0$ selainnya
Pembolehubah dami tahap pengajian (L_2)	$L_2 = 1$ jika tahap pra-siswazah, $L_2 = 0$ selainnya
Pembolehubah dami jantina (G)	$G = 1$ jika lelaki, $G = 0$ jika perempuan
Pembolehubah dami jenis IPT (S)	$S = 1$ jika IPTS, $S = 0$ jika IPTA

¹ pekali Cronbach's Alpha = 0.929, ² pekali Cronbach's Alpha = 0.919,

³ pekali Cronbach's Alpha = 0.922

⁴ diukur dengan skala Likert 5 mata iaitu 1 (tidak berpuas hati) hingga 5 (sangat berpuas hati)

JADUAL 3: Taburan Peratusan Responden Mengikut Latar Belakang Demografi Dan Pendidikan

Ciri-ciri responden	Negara asal			
	China	Indonesia	Iran	Keseluruhan
Umur				
Bawah 20	7.5	26.3	6.5	13.2
20 – 22	64.7	50.9	20.4	46.8
23 – 25	18.0	8.8	28.7	18.3
25 ke atas	9.8	14.0	44.4	21.7
Jantina				
Lelaki	35.3	57.0	64.8	51.3
Perempuan	64.7	43.0	35.2	48.7
Ahli keluarga yang menemani				
Tiada	91.7	87.7	78.7	86.5
Pasangan	3.0	2.6	11.1	5.4
Pasangan dan anak	4.5	6.1	7.4	5.9
Adik beradik	0.8	3.6	2.8	2.2
Bantuan kewangan				
Tajaan kerajaan	2.3	9.9	5.7	5.7
Tajaan syarikat	18.2	12.6	21.0	17.2
Sendiri	18.9	10.8	41.9	23.3
Keluarga	60.6	66.7	31.4	53.8
Kelayakan akademik				
Pendidikan menengah	49.2	46.4	2.8	34.0
Pra-Universiti	14.6	22.7	15.9	17.6
Diploma	26.2	8.2	22.4	19.3
Ijazah Sarjana Muda	10.0	18.2	38.3	21.3
Ijazah Sarjana	0.0	4.5	20.6	7.8
Tahap pengajian				
Pra-Universiti	14.4	0.9	5.6	7.3
Diploma	13.6	10.5	3.7	9.6
Ijazah Sarjana Muda	60.6	69.3	39.8	57.1
Ijazah Sarjana & PhD	11.4	19.3	50.9	26.0
Program pengajian				

Perakaunan / Ekonomi / Perniagaan	44.4	27.2	15.7	30.1
Senibina / Kejuruteraan	6.0	14.0	37.0	18.0
Multimedia / Teknologi maklumat	6.8	16.7	11.1	11.3
Sains tulen / Sains gunaan	0.0	4.4	6.5	3.4
Sastera / Sains sosial	39.8	27.2	10.2	26.8
Lain-lain	3.0	10.5	19.5	10.4
Institusi Pengajian				
Universiti swasta / luar negara	14.0	37.5	33.0	27.4
Kolej universiti swasta	45.7	12.5	11.3	24.5
Kolej swasta	11.6	0.9	4.7	6.1
Universiti awam	28.7	49.1	50.9	42.1

JADUAL 4: Min Respon Bagi Kepentingan Faktor Tarikan Untuk Menuntut Di Malaysia

Faktor tarikan	Negara asal		
	China	Indonesia	Iran
Kos keseluruhan (kos pengajian dan kos hidup)	3.47	3.55	3.73
Kualiti pendidikan**	3.51	3.84	3.76
Pilihan program pengajian yang luas	3.18	3.30	3.18
Pilihan institusi pengajian yang luas	3.20	3.28	3.22
Penggunaan bahasa Inggeris sebagai medium pengajaran	3.77	3.62	3.72
Kemesraan rakyat Malaysia***	3.39	2.95	3.33
Budaya yang sama dengan negara asal***	2.33	3.13	2.80
Agama yang sama dengan negara asal***	2.24	3.26	2.87
Keamanan Malaysia	3.23	3.11	3.36
Isu 11 Sept di New York	2.05	2.27	2.08
Jangkaan pendapatan yang lebih tinggi selepas tamat pengajian	3.32	3.54	3.34
Peluang melanjutkan pengajian siswazah di Malaysia**	3.07	3.18	3.42
Peluang untuk berhijrah ke Malaysia	2.38	2.54	2.55
Peluang untuk berhijrah ke negara lain**	3.19	3.31	3.63
Peluang untuk bekerja di Malaysia selepas tamat pengajian***	2.52	3.04	2.72

*** signifikan pada $\alpha = 0.01$, ** signifikan pada $\alpha = 0.05$

Nota: 1-langsung tidak penting, 2-kurang penting, 3-sederhana penting, 4-penting, 5-sangat penting

JADUAL 5: Min Respon Bagi Kepentingan Faktor Tolakan Tidak Menuntut Di Negara Asal

Faktor tolakan	Negara asal		
	China	Indonesia	Iran
Gagal mendapat tempat di institusi pengajian tinggi	2.62	2.57	2.59
Program pengajian yang diinginkan tidak ditawarkan*	2.71	2.67	2.58
Program pengajian yang diinginkan tidak dikendalikan dalam BI	3.11	2.98	3.07
Gagal mendapat kualiti pendidikan tinggi yang baik	2.58	2.60	2.53
Ketidakstabilan politik***	1.96	2.53	2.33

*** signifikan pada $\alpha = 0.01$, ** signifikan pada $\alpha = 0.05$

Nota: 1-langsung tidak penting, 2-kurang penting, 3-sederhana penting, 4-penting, 5-sangat penting

JADUAL 6: Keputusan Penganggaran Model Ordered Probit

Pembolehubah	Pekali teranggar	Ralat piawai	Statistik Wald	Nilai min
X ₁	0.225	0.115	3.833**	3.446
X ₂	0.062	0.140	0.194	3.407
X ₃	0.290	0.111	6.871***	3.412
R ₁	-0.343	0.175	3.841**	0.380
R ₂	-0.389	0.176	4.913**	0.326
L ₁	0.089	0.247	0.130	0.237
L ₂	0.044	0.196	0.050	0.601
G	0.102	0.138	0.546	0.509
S	0.291	0.155	3.509	0.582
Nilai threshold				
μ ₁	1.852	0.460	16.168***	-
μ ₂	3.268	0.479	46.522***	-

n = 316, Statistik nisbah kebolehhadian = 42.285***

** signifikan pada α = 0.05 , *** signifikan pada α = 0.01

JADUAL 7: Kesan Marginal Kepuasan Pensyarah Dan Kepuasan Penilaian Ke Atas Kepuasan Program Pengajian

Tahap kepuasan program pengajian	Kesan marginal kepuasan pensyarah , $\frac{\partial P(y = m)}{\partial X_1}$	Kesan marginal kepuasan penilaian , $\frac{\partial P(y = m)}{\partial X_3}$
Sederhana puas hati (y = 0)	-0.089	-0.115
Puas hati (y = 1)	0.049	0.064
Sangat puas hati (y = 2)	0.040	0.051

JADUAL 8: Kebarangkalian Terhadap Kepuasan Program Pengajian Mengikut Negara Asal Pelajar

Negara asal	$\bar{x}\hat{\beta}'$	P(y = 0)	P(y = 1)	P(y = 2)
China	1.9017	0.480	0.434	0.086
Indonesia	1.8557	0.498	0.423	0.079
Iran	2.2447	0.347	0.500	0.153
Keseluruhan	1.9876	0.446	0.454	0.100